

## Aktiviti 5

- (a) Kenal pasti tiga ayat tunggal dan tiga ayat majmuk dalam petikan.

### Jimatkan Air di Bilik Mandi

Biasanya, kita menggosok gigi sebanyak dua kali sehari dengan purata tiga minit pada setiap kali. Jika kita membiarkan pili paip terbuka, kita telah membazirkan lebih kurang lima liter air seminit. Hal ini bermakna lebih kurang 11,000 liter air setahun untuk seorang.

Gunakan gelas minuman untuk berkumur selepas menggosok gigi. Kurangkan penggunaan ubat gigi secara berlebihan. Kita boleh menjimatkan lebih kurang 9000 liter air setahun.

Selain itu, gunakan pancuran air yang tidak terlalu besar. Tukarkan model kepala pancuran air lama kepada model terkini. Kepala pancuran model lama menggunakan 20 liter air seminit atau lebih daripada itu. Model baharu hanya menggunakan sembilan liter air seminit. Hal ini dapat menjimatkan kira-kira 28,000 liter air setahun.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Lembaga Air Perak)



### Ayat Tunggal

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

### Ayat Majmuk

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_



- Minta murid mengenal pasti dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk yang terdapat dalam teks.

BT2: 81  
5.3.2  
(i), (ii)

